



## PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

- Meningkatkan kesedaran awam dalam pemuliharaan biodiversiti.
- Berkongsi dan menyebarkan maklumat tentang biodiversiti di Sabah.
- Mengambil peranan utama dalam melaksanakan program pemuliharaan.



## ORANG ASAL

Menggunakan pengetahuan ekologi tradisional dalam pengurusan biodiversiti bersama pihak berkepentingan lain.




## INSTITUSI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN

- Mengembangkan pemahaman dan pengetahuan terhadap biodiversiti Sabah.
- Berkongsi dan berkomunikasi hasil penyelidikan kepada semua pihak berkepentingan.



## SEKTOR SWASTA

Memberikan pertimbangan kepada biodiversiti dalam semua operasi dan semasa membuat keputusan dalam urusan perniagaan.



## MASYARAKAT UMUM

- Hidup secara mampan.
- Mengurangkan jejak ekologi.
- Menyokong dan meyumbang kepada kerja-kerja pemuliharaan di Sabah.



## INSTITUSI KERAJAAN

- Mengarusperdalamkan keperluan biodiversiti dalam semua polisi.
- Mengaplikasikan pelbagai jenis pendekatan dalam pemuliharaan. Menggalakkan penyertaan semua pihak berkepentingan.
- Menyokong kerja-kerja pemuliharaan melalui dana kewangan dan peningkatan kapasiti.



STRATEGI BIODIVERSITI SABAH 2012-2022 MERUPAKAN SATU GARIS PANDUAN BAGI MELINDUNGİ BIODIVERSITI DI SABAH. IA BERPANDUKAN DASAR KEPELBAGAIAN BIOLOGI NEGARA DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN NEGERI SABAH. STRATEGI INI MENGUKUHKAN KOMITMEN KITA TERHADAP KONVENTSYEN KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI DAN DEKAD BIODIVERSITI PERTUBUHAN BANGSA BANGSA BERSATU SERTA MENYOKONG OBJKTIF-OBJKTIF PELAN STRATEGIK BIODIVERSITI DAN TARGET BIODIVERSITI AICHI – BERTUJUAN UNTUK MENGURANGKAN KEHILANGAN BIODIVERSITI.

Strategi ini telah digubal di bawah Program Biodiversiti dan Konservasi Ekosistem Borneo Fasa II, program kerjasama antara Kerajaan Negeri Sabah, Universiti Malaysia Sabah dan Japan International Cooperation Agency.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

- |                            |                 |                  |
|----------------------------|-----------------|------------------|
| • Pejabat Hasil Bumi       | TEL 088-423 111 | FAKS 088-423 363 |
| • Pusat Biodiversiti Sabah | TEL 088-423 111 | FAKS 088-430 573 |

## BIODIVERSITI DI SABAH

Sabah terkenal dengan keunikan biodiversiti dan hidupan liarnya. Terdapat sebanyak 224 spesis mamalia, 352 spesis burung, 112 spesis amfibia dan 215 spesis reptilia di negeri ini. Perairan Sabah yang terletak dalam lingkungan Coral Triangle menyokong lebih daripada 75% terumbu karang di Malaysia, 756 spesis ikan terumbu karang dan 90 spesis udang karang. Mamalia marin seperti dugong, ikan lumba-lumba dan penyu juga boleh dijumpai dalam perairan Sabah.

Hutan hujan Sabah sangat kaya dengan pelbagai jenis himpunan



352

BURUNG

224

MAMALIA



215

REPTILIA



112

AMFIBIA



75%

TERUMBU  
KARANG  
DI MALAYSIA

756

IKAN TERUMBU  
KARANG

## CABARAN

tumbuh-tumbuhan termasuklah hutan kerangas, ultra-mafik, dipterokap, hutan tanah tinggi dan hutan awan. Tanah lembab yang meluas di Sabah seperti paya bakau, hutan paya gambut, tasik ladam, dataran lumpur dan tanah paya lain juga mengandungi pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan.

Lebih daripada 15% kawasan tanah Sabah telah dikategorikan sebagai kawasan perlindungan – seperti Taman Kinabalu, Taman Banjaran Crocker, Taman Hidup Liar Tabin dan Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum dan Lembangan Maliau. Perubahan iklim dan peristiwa lain

seperti kemarau dan kebakaran hutan dijangka berleluasa di masa depan.

Pemahaman kita terhadap biodiversiti masih tidak lengkap untuk kita mengatasi cabaran-cabaran ini. Walaupun pelbagai penyelidikan dan kajian telah dijalankan, kita masih perlu meningkatkan pengetahuan kita. Kita juga mengalami kekurangan sumber manusia dan kewangan untuk mengurus dan melindungi biodiversiti kita secara berkesan.



**STRATEGI BIODIVERSITI SABAH 2012–2022 MEMBERI PENEKANAN BAHAWA PERLINDUNGAN BIODIVERSITI MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB SEMUA WARGA SABAH. IA MERUPAKAN SATU RANGKA KERJA BAGI MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMULIHARAAN DENGAN MELIBATKAN PENYERTAAN MASYARAKAT AWAM DAN USAHASAMA DENGAN KOMUNITI TEMPATAN, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA.**



### STRATEGI 1

#### PENGLIBATAN MASYARAKAT

Penglibatan masyarakat adalah penting bagi memastikan keberkesaan pemuliharaan biodiversiti di Sabah. Orang awam, pihak swasta, komuniti asal, pertubuhan bukan kerajaan dan semua peringkat kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menghalang kemasuhan biodiversiti dan mengekalkan keseimbangan dalam pembangunan. Strategi 1 memberi penekanan untuk memupuk komitmen serta menjalin kerjasama antara semua pihak berkepentingan.



### STRATEGI 2

#### MENGURANGKAN TEKANAN PADA BIODIVERSITI

Kita perlu mengurangkan tekanan daripada aktiviti-aktiviti ekonomi terhadap biodiversiti. Strategi 2 memberi penekanan kepada mengintegrasikan biodiversiti sepenuhnya ke dalam sektor ekonomi, mengarusperdanakan biodiversiti dalam jangka panjang dan menggalakkan pihak berkepentingan merancang aktiviti-aktiviti mereka dengan lebih terperinci dan menggunakan amalan pengurusan yang baik.



### STRATEGI 3

#### MEMBINA KETAHANAN EKOSISTEM

Pengukuhan ketahanan ekosistem adalah penting bukan sahaja untuk tumbuhan dan haiwan, tetapi juga untuk mengekalkan kualiti hidup dan keselamatan penduduk Sabah. Strategi 3 memberi penekanan untuk memastikan kawasan perlindungan diurus secara baik, biodiversiti di luar kawasan perlindungan dipelihara, dan hidupan liar serta tumbuhan dilindungi dengan sewajarnya.



### STRATEGI 4

#### MENINGKATKAN PEMAHAMAN

Strategi 4 memberi penekanan untuk meningkatkan pemahaman kita supaya bagi biodiversiti dapat dirancang dan diurus dengan baik. Kita perlu meningkatkan kajian dalam pelbagai aspek biodiversiti dan memberi perhatian khas kepada pemuliharaan pengetahuan ekologi traditional.



### STRATEGI 5

#### MENGUKUHKAN KEUPAYAAN KITA

Kita perlu mengukuhkan keupayaan semua pihak berkepentingan dalam pengurusan biodiversiti. Strategi 5 bertujuan untuk menggalakkan penyertaan aktif semua pihak berkepentingan, disamping memberi kebebasan kepada pihak-pihak tersebut menyumbang dan memfokuskan usaha-usaha berdasarkan kepada kemampuan masing-masing.

